

# PSP kaedah terbaik pengagihhan subsidi

Menepati manifesto PH iaitu sediakan subsidi minyak bersasar

PUTRAJAYA

Menghitung hari melangkah ke tahun 2020, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah bersedia dengan pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP).

PSP merupakan prinsip bantuan yang hendak disampaikan kerajaan melalui pengagihhan semula subsidi dan disasarkan kepada golongan yang benar-benar layak dan merupakan satu daripada inisiatif kerajaan untuk meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abd Aziz berkata, pelaksanaan PSP yang menepati manifesto Pakatan Harapan (PH) di bawah Janji 7 iaitu menyediakan subsidi minyak bersasar merupakan inisiatif dengan objektif murni bagi memastikan rakyat Malaysia yang benar-benar layak menerima bantuan.

Sebelum ini, katanya,

## PROGRAM SUBSIDI PETROL (PSP)

### KRITERIA

- Penerima Bantuan Sara Hidup yang beralamat di Semenanjung, memiliki kenderaan atas nama sendiri dan cukai jalan yang sah
- Turut diperluas kepada golongan Orang Kurang Upaya
- Memenuhi Janji ke-7 Manifesto Pakatan Harapan
- Bermula Januari 2020

### PEMBAYARAN

Bantuan tunai dikreditkan terus ke akaun penerima setiap 4 bulan sekali

### KADAR SUBSIDI

Kereta - RM30 sebulan      Motosikal - RM12 sebulan

2.9 juta orang dijangka bakal menerima manfaat PSP meliputi:



1.1 juta pemilik motosikal sahaja



1.1 juta pemilik kereta sahaja




0.7 juta pemilik kereta & motosikal

### HAD MAKSIMUM PEMILIKAN KENDERAAN INDIVIDU



### KELAYAKAN PEMILIKAN



Rakyat Sabah, Sarawak dan Labuan dikecualikan daripada pelaksanaan PSP

Harga RON95 kekal RM2.08 di Sabah, Sarawak dan Labuan

Harga RON95 akan diapungkan, penyesuaian harga dilakukan secara beransur-ansur

Sumber KPDNHEP

Infografik Bernama

kaedah pelaksanaan subsidi adalah secara *blanket* iaitu semua dapat di mana golongan yang tidak layak termasuk mereka yang berkereta besar, orang kaya dan warga asing mendapat akses kepada subsidi tersebut.

"Sebelum ini semua layak, sama ada guna kereta BMW ke, Mercedes, kereta mewah pun layak dapat. Subsidi ini sepatutnya dinikmati golongan sasar yang betul-betul memerlukan seperti golongan B40, M40 dan sebagainya.

"Subsidi secara *blanket* ini, kita tak dapat kawal, kenderaan asing pun menikmati subsidi," katanya.



MUEZ

Mengenai pemilihan penerima, Muez berkata, PSP bagi kumpulan B40 menggunakan data asas daripada Bantuan Sara Hidup (BSH) bagi mengenal pasti kumpulan berpendapatan rendah dan seterusnya dipadankan dengan data pemilikan kenderaan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Menurutnya, melalui penggubalan dasar berpandukan data, Kementerian berjaya mengenal pasti 2,862,472 individu yang memenuhi syarat-syarat kelayakan PSP.

"Sehingga tarikh tutup tempoh rayuan pada 30 November lepas, sebanyak 346,491 penerima yang layak telah mengemas kini maklumat mereka," katanya.

Beliau berkata, kementerian menerima sebanyak

480,317 permohonan rayuan dan semakan berhubung status rayuan itu boleh dibuat pada awal tahun hadapan sebelum pembayaran pertama dilakukan pada April 2020.

Katanya, kementerian menjangkakan terdapat segelintir golongan berpendapatan rendah daripada B40 yang mungkin tercicir daripada senarai penerima PSP disebabkan mereka tiada dalam senarai BSH.

"Bagi tujuan ini, KPDNHEP telah memaklumkan kepada mereka yang sebelum ini tidak mendapat BSH untuk mengemukakan permohonan kepada sekretariat BSH. Taklimat dan penerangan di peringkat negeri pun telah dibuat untuk memaklumkan orang awam tentang perlunya B40 mendaftar untuk BSH supaya mereka juga menikmati subsidi di bawah PSP," katanya.

Katanya, penerima PSP akan menerima bantuan subsidi sebanyak RM30 sebulan bagi pemilik kereta dan RM12 sebulan bagi pemilik motosikal, terhad kepada salah satu kadar yang lebih tinggi.

"Bayaran akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima PSP empat bulan sekali menjadikan jumlah

bantuan tunai yang diterima adalah sebanyak RM120 bagi pemilik kereta dan RM48 bagi pemilik motosikal bagi setiap kali bayaran.

"Penerima PSP merupakan penerima BSH yang beralamat di Semenanjung Malaysia dan mempunyai kenderaan yang berdaftar serta lesen kenderaan motor yang masih sah. Kapasiti enjin yang ditetapkan pula ialah 1,600cc ke bawah bagi kereta dan 150cc bagi motosikal. Bagi penerima PSP yang memiliki kereta berusia lebih 10 tahun atau motosikal berusia lebih tujuh tahun tetapi kapasiti enjin melebihi kriteria yang ditetapkan, masih layak untuk menerima PSP," katanya.

Berhubung perluasan PSP kepada golongan M40, Muez berkata, KPDNHEP mengadakan libat urus bersama agensi kerajaan seperti Kementerian Kewangan, JPJ, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Perangkaan untuk mengenal pasti dan memperincikan kriteria dan keperluan bagi melaksanakannya.

"Kita mesti mengemas kini data, itu yang paling utama dalam pelaksanaan ini sebab kita nak bagi pada yang layak," katanya.  
- Bernama

## PSP kaedah terbaik pengagihan subsidi

BERNAMA | 28 Disember 2019



**PUTRAJAYA** - Menghitung hari melangkah ke tahun 2020, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah bersedia dengan pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP).

PSP merupakan prinsip bantuan yang hendak disampaikan kerajaan melalui pengagihan semula subsidi dan disasarkan kepada golongan yang benar-benar layak dan merupakan satu daripada inisiatif kerajaan untuk meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abd Aziz berkata, pelaksanaan PSP yang menepati manifesto Pakatan Harapan (PH) di bawah Janji 7 iaitu menyediakan subsidi minyak bersasar, merupakan inisiatif dengan objektif murni untuk memastikan rakyat Malaysia yang benar-benar layak menerima bantuan.

Sebelum ini, katanya, kaedah pelaksanaan subsidi adalah secara 'blanket' iaitu 'semua dapat' di mana golongan yang tidak layak termasuk mereka yang 'berkereta besar', orang kaya dan warga asing mendapat akses kepada subsidi tersebut.

"Sebelum ini semua layak, sama ada guna kereta BMW ke, Mercedes, kereta mewah pun layak dapat. Subsidi ini sepatutnya dinikmati golongan sasaran yang betul-betul memerlukan seperti golongan B40, M40 dan sebagainya.

"Subsidi secara blanket ini, kita tak dapat kawal, kenderaan asing pun menikmati subsidi," katanya dalam temubual dengan Bernama.

Mengenai pemilihan penerima, Muez berkata, PSP bagi kumpulan B40 menggunakan data asas daripada Bantuan Sara Hidup (BSH) bagi mengenal pasti kumpulan berpendapatan rendah dan seterusnya dipadankan dengan data pemilikan kenderaan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Menurutnya, melalui penggubalan dasar berpandukan data, kementerian berjaya mengenal pasti 2,862,472 individu yang memenuhi syarat-syarat kelayakan PSP.

"Sehingga tarikh tutup tempoh rayuan pada 30 November lepas, sebanyak 346,491 penerima yang layak telah mengemas kini maklumat mereka," katanya.

Beliau berkata, kementerian menerima sebanyak 480,317 permohonan rayuan dan semakan berhubung status rayuan itu boleh dibuat pada awal tahun hadapan sebelum pembayaran pertama dilakukan pada April 2020.

Katanya, kementerianya menjangkakan terdapat segelintir golongan berpendapatan rendah daripada B40 yang mungkin tercicir daripada senarai penerima PSP disebabkan mereka tiada dalam senarai BSH.

"Bagi tujuan ini, KPDNHEP telah memaklumkan kepada mereka yang sebelum ini tidak mendapat BSH untuk mengemukakan permohonan kepada sekretariat BSH. Taklimat dan penerangan di peringkat negeri pun telah dibuat untuk memaklumkan orang awam tentang perlunya B40 mendaftar untuk BSH supaya mereka juga menikmati subsidi di bawah PSP," katanya.

#### **Berapakah jumlah subsidi yang akan diterima penerima?**

- Penerima PSP akan menerima bantuan subsidi sebanyak RM30 sebulan bagi pemilik kereta dan RM12 sebulan bagi pemilik motosikal, terhad kepada salah satu kadar yang lebih tinggi.

#### **Bagaimana bayaran akan dibuat?**

- Bayaran akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima PSP empat bulan sekali menjadikan jumlah bantuan tunai yang diterima adalah sebanyak RM120 bagi pemilik kereta dan RM48 bagi pemilik motosikal bagi setiap kali bayaran.

#### **Apakah kriteria penerima PSP?**

- Penerima PSP merupakan penerima BSH yang beralamat di Semenanjung Malaysia dan mempunyai kenderaan yang berdaftar serta lesen kenderaan motor yang masih sah.

- Kapasiti enjin yang ditetapkan pula ialah 1,600cc ke bawah bagi kereta dan 150cc bagi motosikal. Bagi penerima PSP yang memiliki kereta berusia lebih 10 tahun atau motosikal berusia lebih tujuh tahun tetapi kapasiti enjin melebihi kriteria yang ditetapkan, masih layak untuk menerima PSP.

Berhubung perluasan PSP kepada golongan M40, Muez berkata, KPDNHEP mengadakan libat urus bersama agensi kerajaan seperti Kementerian Kewangan, JPJ, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Perangkaan untuk mengenal pasti dan memperincikan kriteria dan keperluan bagi melaksanakannya.

"Kita mesti mengemas kini data, itu yang paling utama dalam pelaksanaan ini sebab kita nak bagi pada yang layak. Setakat ini, B40 dah kenal pasti bakal penerima, manakala bagi M40 sedang dalam proses kemas kini," katanya, sambil menambah antara data yang diperlukan ialah purata pendapatan M40. - Bernama

**Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/63635/BERITA/Nasional/PSP-kaedah-terbaik-pengagihan-subsidi>© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf**